

Bangkok paling digemari pelancong

BANGKOK – Platform tempahan percutian online, Agoda mendedahkan bahawa Bangkok berada di kedudukan pertama destinasi pelancongan paling digemari di dunia tahun ini, lapor laman berita *Thaiger* kelmarin.

Penghapusan syarat kemasukan berkaitan Covid-19 seperti Uji & Pergi serta Pas Thailand menjadi pemacu untuk kota raya berkenaan mengungguli senarai pelancongan utama kali ini.

Bandar lain yang turut berada dalam kedudukan 10 teratas selepas Bangkok adalah Pulau Jeju di tempat kedua diikuti oleh Kuala Lumpur, Tokyo, Seoul, Singapura, Pulau Bali, Pattaya, Manila dan Pulau Pinang.

Menurut Agoda, pelancong India adalah yang paling ramai menempah lokasi percutian di Thailand, diikuti oleh pelawat dari Indonesia, Singapura, Perancis dan Switzerland.

Negara Gajah Putih itu juga menjadi destinasi pilihan utama



BANGKOK muncul sebagai destinasi pelancongan paling digemari pada musim panas kali ini. – GETTY IMAGES

bagi pelancong Jepun, Malaysia dan Vietnam yang menempah percutian luar negara pada

musim panas kali ini.

“Di peringkat global, kami melihat pelancong antarabangsa

kembali melakukan perjalanan pada tahun ini selepas sekatan Covid-19 dilonggarkan. Ini mem-

beri peluang kepada orang ramai yang ingin melancong ke luar negara berbuat demikian sejak dua tahun yang lalu.

“Pelancong memanfaatkan percutian mereka sepenuhnya dan berminat melawat destinasi-destinasi domestik serta antarabangsa di rantau Asia,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Agoda, Omri Morgenshtern.

Senarai terkini itu menggunakan data daripada percutian yang telah ditempah di Agoda.

Dalam pada itu, Thailand turut berada di tangga pertama sebagai destinasi paling banyak dicari di laman web tersebut pada Mac lalu.

Bagi percutian luar negara oleh rakyat Thailand pula, data tempahan antara bulan Mei hingga Ogos 2022 mendapati Korea Selatan, Singapura, Vietnam, Perancis dan Britain merupakan lima destinasi pilihan utama mereka selepas sekatan coronavirus dilonggarkan. – AGENSI